

# Hubungan Antara Motivasi Dan Penglibatan Terhadap Proses Pembelajaran Atas Talian Semasa Pandemik Covid 19 Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah

*(The Relationship Between Motivation And Involvement In The Online Learning Process During The Covid 19 Pandemic Among Primary School Pupils)*

Shaamala A/P Ramu<sup>1\*</sup>, Mohd Izwan Mahmud<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [rshaamala@gmail.com](mailto:rshaamala@gmail.com), [izwan@ukm.edu.my](mailto:izwan@ukm.edu.my)

Accepted: 15 March 2022 | Published: 1 April 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.17>

---

**Abstrak:** Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengukur hubungan antara tahap motivasi dan penglibatan murid sekolah rendah dalam proses pembelajaran atas talian semasa Pandemik COVID 19. Kajian ini melibatkan seramai 80 orang responden yang terdiri daripada murid tahun enam dari lima buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Seberang Perai Selatan, Pinang. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dengan kaedah kuantitatif. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian adalah berbentuk soal selidik yang mengandungi tiga bahagian. Antaranya adalah Bahagian A yang memperihalkan tentang demografi responden seperti jantina dan latarbelakang sosioekonomi responden. Bahagian B pula merangkumi item yang berkaitan dengan tahap motivasi manakala Bahagian C memerihalkan tentang tahap penglibatan murid dalam proses pembelajaran atas talian semasa Pandemik COVID 19. Data yang diperolehi dalam kajian ini dianalisis menggunakan deskriptif dan inferensi yang terdiri daripada nilai peratus, min, ANOVA dan korelasi Spearman Rho. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dengan nilai korelasi  $r = 0.876$  ( $p < 0.005$ ) antara motivasi dan penglibatan murid sekolah rendah dalam proses pembelajaran atas talian semasa Pandemik COVID 19. Sebanyak empat hipotesis telah diuji dalam kajian ini dimana keempat-empat hipotesis telah diterima. Kajian lanjutan yang dicadangkan dalam kajian ini adalah mengenal pasti persepsi guru terhadap tahap motivasi dan penglibatan murid dalam proses pembelajaran atas talian.

**Kata kunci:** motivasi, penglibatan, proses pembelajaran atas talian

**Abstract:** This study was conducted to measure the relationship between the level of motivation and involvement of primary school students in the online learning process during the COVID 19 Pandemic. The study involved a total of 80 respondents consisting of sixth year students from five Tamil National Type Schools in Seberang Perai Selatan, Pinang. This study uses a survey study design with quantitative methods. The research instrument used in the study is in the form of a questionnaire that consists of three parts. Among them is Part A which describes the demographics of the respondents such as gender and socio-economic background of the respondents. Section B covers items related to the level of motivation while Section C describes the level of student involvement in the online learning process during the COVID 19 Pandemic. The data obtained in this study were analyzed using descriptive and inferential values consisting of percentage, mean, ANOVA and correlation. Spearman Rho.

*The findings showed that there was a significant relationship with a correlation value of  $r = 0.876$  ( $p < 0.005$ ) between the motivation and involvement of primary school students in the online learning process during the COVID 19 Pandemic. A total of four hypotheses were tested in this study where all four hypotheses were accepted. A further study proposed in this study is to identify teachers' perceptions of the level of motivation and involvement of students in the online learning process.*

**Keywords:** motivation, engagement, online learning process

---

## 1. Pengenalan

Pendidikan merupakan satu keperluan asas dalam kehidupan manusia, sifat mutlakinya dalam kehidupan seharian dan juga negara ini seperti yang dinyatakan oleh Anggara Yugo Pratama (2016). Proses pembelajaran membantu seseorang insan untuk mempelajari sesuatu baharu serta membentuk tingkah laku mereka ke arah yang lebih cemerlang. Undang-undang Pendidikan No.20 (2003) telah mentakrifkan proses pembelajaran sebagai satu proses interaksi antara pelajar dengan pendidik dan sumber belajar pada suatu lingkungan belajar yang merupakan satu aspek yang penting dalam kehidupan bagi meningkatkan pengembangan diri individu dalam kehidupan bermasyarakat. Penglibatan murid merupakan satu aspek yang penting bagi meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Nik Hanis Zuraihan (2015) menjelaskan bahawa penglibatan aktif dalam pembelajaran membantu pelajar untuk meningkatkan kemahiran membaca, menulis, menyelesaikan masalah menggunakan kemahiran berfikir beraras tinggi seperti analisis, sintesis dan menilai yang merupakan tunjang utama bagi semua aktiviti yang dilaksanakan oleh seseorang individu. Aspek motivasi sangat penting untuk meningkatkan penglibatan murid dalam proses pembelajaran. Menurut Norazura (2015) menjelaskan bahawa setiap warga pendidik menggunakan pelbagai kaedah penyampaian untuk meningkatkan motivasi, minat dan penglibatan pelajar terhadap proses pembelajaran dan pengajaran.

Walaupun bagaimanapun, motivasi murid semakin merosot menyebabkan penglibatan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran semakin berkurangan. Terutamanya pada masa kini proses pengajaran dan pembelajaran dari peringkat prasekolah hingga pengajian tinggi dilaksanakan secara talian disebabkan penularan jangkitan COVID 19 di seluruh negara kita. Selain itu, Agus Rahardjo (2020) menyatakan bahawa Pandemik COVID 19 yang kian meningkat pada masa ini banyak mempengaruhi motivasi dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran.

### Pernyataan Masalah

Penularan wabak COVID 19 pada pertengahan Mac 2020 di seluruh dunia, menyebabkan kebanyakan negara untuk mengambil tindakan seperti sekatan perjalanan, kuarantin, arahan tinggal di rumah sahaja dan sebagainya. Dalam bidang pendidikan proses pembelajaran pelajar terganggu kerana , pelajar tidak dapat menghadiri kelas secara bersemuka apabila pergerakan atau kawalan pergerakan yang terhad telah dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa. Menurut Prof Madya Dr Mahizer Hamzah (2020) menjelaskan bahawa penularan jangkitan COVID 19 yang melanda seluruh dunia yang sudah memperlihatkan peningkatan yang semakin mendadak menyebabkan penutupan sekolah serta penggunaan pembelajaran dalam talian bagi menggantikan pembelajaran secara bersemuka atau dalam bilik darjah menjadi satu kebiasaan dalam kalangan pelajar dan pendidik. Menurut Consilz Tanz (2020) kaedah pembelajaran dalam talian telah mengakibatkan kesan yang

besar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pelajar dan juga warga pendidik.

Menurut Jonathan Smith et.al (2021) menyatakan bahawa perubahan sistem secara tiba-tiba dengan beberapa halangan telah mengurangkan motivasi pelajar dalam proses pembelajaran. Secara umum, penurunan motivasi kerana kaedah proses pembelajaran telah mempengaruhi penglibatan pelajar. Menurut Agus Rahardjo dan Supratmi Pertiwi (2020) menjelaskan bahawa salah satu punca yang menyebabkan murid tidak bermotivasi untuk mengikuti pembelajaran dalam talian adalah kaedah penyampaian yang tidak berkesan menyebabkan pengajar tidak dapat mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran dalam talian pada tahap optimum. Bagi melaksanakan pembelajaran atas talian kemudahan infrastruktur merupakan perkara yang paling asas yang perlu disediakan. Kekurangan kemudahan infrastruktur yang dihadapi oleh pelajar menyebabkan kehilangan motivasi terhadap proses pembelajaran dalam kalangan pelajar. Ini juga mengakibatkan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran secara talian sangat minimum (Claudiu Coman et.al (2020).

Di samping itu, pendidik juga memberi tugas atau arahan yang banyak semasa melaksanakan proses pengajaran dalam talian tanpa mengira keadaan persekitaran pelajar semasa Pandemik COVID 19 ini dari segi aspek kemudahan, kesihatan, kewangan dan emosi pelajar menyebabkan motivasi dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran secara talian terjejas. Menurut Nabil Hasan Al-Kumaim et.al (2021) menyatakan bahawa pelajar mengalami pelbagai cabaran semasa mengikuti proses pembelajaran dalam talian seperti menerima tugas dan arahan yang berlebihan daripada fasilitator, masalah kefahaman kepada penggunaan kaedah baharu serta cabaran kesihatan diri yang berkaitan dengan tekanan dan kegelisahan yang menyebabkan kemerosotan motivasi dalam kalangan pelajar.

Isu-isu ini telah menyebabkan tahap motivasi murid untuk mengikuti proses pembelajaran dalam talian semakin merosot. Penurunan tahap motivasi dalam kalangan pelajar mengakibatkan pelajar tidak melibatkan diri dalam proses pembelajaran secara talian secara aktif. Penglibatan murid yang kurang aktif dalam proses pembelajaran talian ini menyebabkan proses pengajaran tidak dapat dilaksanakan secara berkesan serta objektif pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan tidak dapat dicapai. Sehingga kini, pelbagai kajian tindakan dilaksanakan berdasarkan tahap motivasi murid dan penglibatan murid dalam proses pembelajaran secara talian semasa Pandemik COVID 19 sejak tahun 2020. Namun hampir semua kajian bersasarkan kepada pelajar pengajian tinggi atau sekolah menengah yang mengikuti proses pembelajaran atas talian. Bukan sahaja motivasi dan penglibatan pelajar pengajian tinggi dan pelajar sekolah menengah telah terjejas malah pelajar sekolah rendah juga menghadapi situasi yang sama pada masa ini. Oleh itu, kajian ini wajib dilaksanakan bagi mengetahui tahap motivasi dan penglibatan murid dalam proses pembelajaran secara talian dalam kalangan murid sekolah rendah supaya dapat mengambil langkah yang sesuai untuk meningkatkan motivasi dan penglibatan murid dalam proses pembelajaran secara talian dalam kalangan murid sekolah rendah.

### **Objektif Kajian**

Pengkaji menentukan beberapa objektif kajian ini. Objektif-objektif tersebut membantu pengkaji untuk berfokus pada kajiannya serta tidak terpesong daripada tajuk yang dipilih. Objektif-objektif yang ditentukan oleh pengkaji adalah seperti berikut :


- 1.1.1 Menenalpasti tahap motivasi murid sekolah rendah dalam proses pembelajaran atas talian semasa Pandemik COVID 19.
- 1.1.2 Menenalpasti tahap penglibatan murid sekolah rendah dalam proses pembelajaran atas talian semasa pandemik COVID 19.

- 1.1.3 Mengukur perbezaan motivasi dan penglibatan murid sekolah rendah dalam proses pembelajaran atas talian semasa pandemik COVID 19 berdasarkan status sosial ekonomi.
- 1.1.4 Mengukur hubungan antara motivasi dan penglibatan murid sekolah rendah dalam proses pembelajaran atas talian semasa Pandemi COVID 19.

### Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini ditentukan oleh pengkaji untuk memenuhi objektif kajian yang telah dibina. Dapatan yang diperolehi pada akhir kajian dapat menjawab persoalan kajian. Antara persoalan kajian yang ditentukan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- 1.5.1 Apakah tahap motivasi murid sekolah rendah dalam proses pembelajaran atas talian semasa Pandemi COVID 19?
- 1.5.2 Apakah tahap penglibatan murid sekolah rendah dalam proses pembelajaran atas talian semasa Pandemi COVID 19?
- 1.5.3 Adakah terdapat perbezaan motivasi dan penglibatan murid sekolah rendah dalam proses pembelajaran atas talian semasa pandemik COVID 19 berdasarkan status sosial ekonomi?
- 1.5.4 Adakah terdapat hubungan antara motivasi dan penglibatan murid sekolah rendah dalam proses pembelajaran atas talian semasa Pandemi COVID 19?



Rajah 1: Kerangka Konseptual

## 2. Tinjauan Literatur

### Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian

Dengan penularan wabak COVID 19 yang semakin meningkat, pada masa kini proses pengajaran dan pembelajaran yang telah dilaksanakan secara tradisional sebelum ini iaitu secara bersemuka telah digantikan dengan proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Ini telah disokong oleh Sri Gustiani (2020) dengan menyatakan dalam kajiannya bahawa Indonesia sebagai salah satu negara dengan populasi yang dijangkiti wabak COVID 19 yang tinggi juga telah mengubah proses pengajaran dan pembelajaran secara fizikal kepada proses pengajaran dan pembelajaran secara talian di pelbagai sekolah dan universiti di negara ini dengan bantuan sektor pendidikan.

Perkembangan teknologi yang pesat bagi zaman ini membantu sektor pendidikan untuk merancang dan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran secara talian. Menurut Hasnan Barber

(2020) menyatakan bahawa dengan pertumbuhan teknologi dan Internet yang maju, e-pembelajaran telah dapat dilaksanakan dengan lancar dalam dunia akademik. Namun masih terdapat beberapa cabaran yang perlu dihadapi oleh pelajar mahupun guru untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian secara berkesan. Dalam hasil kajian Fazley bin Fadzil et.al (2020) yang melibatkan pelajar-pelajar dari bidang kejuruteraan membuktikan bahawa proses pembelajaran dalam talian tidak dapat dilaksanakan secara berkesan apabila kuliah dilaksanakan secara talian kerana bidang kejuruteraan ini memerlukan beberapa keperluan khas bagi tujuan pembelajaran seperti di studio, alat kejuruteraan dan memerlukan lawatan ke kawasan kajian di luar.

Selain itu, dalam kajian Mohd Fairuz Jafar (2020) menyatakan bahawa keadaan Pandemik COVID 19 mendesak pelajar dan pensyarah untuk meningkatkan pengetahuan mereka dari segi aspek penggunaan teknikal dan digital serta pelbagai aplikasi pembelajaran dalam talian bagi meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Sementara itu, Manzoor (2020) menjelaskan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian tidak adil kepada beberapa golongan pelajar seperti pelajar yang mempunyai sosioekonomi yang rendah, pelajar berkeperluan khas serta pelajar yang mempunyai masalah kesihatan kerana mereka tidak dapat melibatkan diri secara aktif. Coman et.al (2020) telah menyokong hal ini dengan menyatakan ketidakupayaan menguasai dan mengawal penggunaan telefon pintar atau komputer riba dalam kalangan guru dan pelajar menyebabkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran meruntun dalam kajiannya. Akhir sekali, dalam hasil kajian Hafida et.al (2020) menyatakan bahawa salah satu cabaran yang dihadapi oleh pelajar universiti di Indonesia adalah terpaksa menyediakan sumber kewangan antara Rp.80.000 hingga Rp.200.000 per minggu bagi mengikuti proses pembelajaran dan pengajaran. Beliau juga menyatakan bahawa ketidakefektifan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini menyebabkan pelajar mengalami penurunan motivasi dalam pembelajaran.

### **Motivasi**

Motivasi merupakan salah satu tunjang utama dalam proses pembelajaran kerana aspek motivasi membantu seseorang individu untuk berusaha ke arah kejayaan. Menurut Ari Riswanto (2017) menyatakan bahawa motivasi adalah proses dalaman yang merupakan salah satu faktor utama yang menentukan kadar kejayaan pembelajaran pelajar. Beliau juga menyatakan bahawa tahap motivasi ini ditentukan oleh tahap makna bahan pengajaran dan aktiviti pembelajaran, yang dimiliki oleh pelajar yang berkenaan.

Pada masa kini, tahap motivasi dalam kalangan pelajar semakin merosot ke tahap yang amat membimbangkan disebabkan penularan wabak COVID 19 di seluruh dunia. Meeter.M et.al (2020) telah menyatakan dalam kajiannya bahawa penularan wabak COVID 19 ini menyebabkan satu perubahan yang drastik kepada mental pelajar sehingga mengakibatkan peningkatan dalam gejala kemurungan, kegelisahan serta kekurangan motivasi dalam kalangan pelajar terutamanya pelajar universiti yang memberi impak kepada pencapaian mereka. Keputusan analisis motivasi dalam kajian ini mendapati pengurangan terhadap tahap motivasi dalam kalangan murid semasa Covid 19. Ini dapat dibuktikan dengan data tahap motivasi dalam kajian ini menunjukkan tahap motivasi sebelum Covid 19 mendapat skor min 0.394 manakala tahap motivasi selepas Covid 19 mendapat skor min 0.070. Dalam kajian Mohammed Arshad Khan (2021) menyatakan bahawa untuk menangani Pandemik COVID 19 ini, langkah pembendungan dan pengasingan yang diambil oleh kerajaan negara India sangat mempengaruhi tahap motivasi guru dan pelajar dalam proses pembelajaran terutamanya dalam proses pembelajaran secara talian.

Tahap motivasi pelajar dalam proses pembelajaran secara talian berada pada tahap yang sangat minimum. Pelajar semakin berkurangan motivasi apabila mengikuti pembelajaran dalam talian



semasa Pandemik COVID 19 ini. Ini telah disokong oleh Agus Rahardjo dan Supratmi Pertiwi (2020) dalam kajiannya menyatakan bahawa perubahan dalam sistem pembelajaran iaitu dari sistem pembelajaran bersemukan kepada sistem pembelajaran dalam talian menjadi salah satu sebab yang munasabah bagi pengurangan motivasi pelajar untuk belajar secara talian yang mempengaruhi pencapaian pelajar. Sementara ini, Mohd Fairuz Jafar et.al (2020) menyatakan bahawa walaupun pelajar mempunyai keinginan yang tinggi untuk mengikuti pembelajaran dalam talian beberapa halangan seperti talian internet yang lemah, kekurangan kemudahan infrastruktur, masalah peranti yang menyebabkan proses pembelajaran terbantut serta memberi tekanan kepada murid yang menyebabkan kurangnya motivasi. Akhir sekali, Menurut Claudiu Coman et.al (2020) menyatakan bahawa masalah teknikal yang diikuti oleh kekurangan kemahiran teknikal dalam kalangan guru serta gaya pengajaran mereka yang tidak sesuai dengan persekitaran dalam talian menyebabkan murid tidak berminat dan kurang motivasi untuk mengikuti pembelajaran secara talian yang menyebabkan penglibatan pelajar semakin menurun. Ini dapat dibuktikan dalam kajian ini apabila keputusan analisis kajian bagi mengetahui perbandingan motivasi belajar terhadap jenis pembelajaran menunjukkan nilai ANOVA ( $p=0.005$ )=4.506.

### **Penglibatan**

Penglibatan pelajar merupakan salah satu aspek penting bagi memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Julie A. Gray dan Melanie DiLoreto (2016) menyatakan bahawa penglibatan aktif dalam kalangan pelajar meningkatkan keberkesanan terhadap proses pembelajaran serta mengekalkan hasil pembelajaran tersebut pada masa yang lama.

Namun pada zaman Pandemik COVID 19 ini, penglibatan dalam kalangan pelajar semakin merosot apabila proses pembelajaran secara fizikal telah ditukar kepada proses pembelajaran secara talian bagi mencegah penularan virus Covid secara meluas dalam kalangan pelajar dan warga pendidik. Ini telah disokong oleh Nabil Hasan Al-Kumaim et.al (2021) dengan menyatakan bahawa berdasarkan kajian yang dilaksanakan pelajar universiti berpersepsi bagi mengikuti proses pembelajaran dalam talian perlu menghadap beberapa halangan seperti kelajuan internet, kekangan masa, masalah kemudahan infrastruktur serta pelajar perlu menyesuaikan diri dengan keadaan yang baharu dengan penularan wabak COVID-19 mempengaruhi penglibatan mereka dalam proses pembelajaran secara talian. Selain itu Claudiu Coman (2020) juga menyatakan bahawa masih terdapat pelajar dan pensyarah yang tidak mempunyai kemahiran yang mencukupi dalam mengendalikan platform pembelajaran dalam talian kerana kekurangan kemudahan infrastruktur menyebabkan mereka kurang minat untuk melibatkan diri dalam proses pembelajaran secara talian. Ini telah disokong dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan bahawa penglibatan pelajar dari keluarga sosioekonomi yang rendah mendapat ( $M=4.05$ ,  $SD = 0.35$ ) yang mempunyai perbezaan yang signifikan dengan penglibatan pelajar dari keluarga yang mempunyai sosioekonomi yang tinggi dengan nilai ( $M=3.82$ ,  $SD = 0.37$ ). Sementara itu, Mohd Fairuz Jafar et.al (2020) menyatakan penglibatan emosi pelajar juga merupakan salah satu aspek yang penting dalam proses pembelajaran secara talian. Beliau juga menjelaskan dalam kajiannya bahawa pada masa kini penglibatan emosi dalam kalangan pelajar semakin terjejas kerana mereka tidak dapat berkomunikasi dengan pensyarah dan rakan-rakan secara bersemuka disebabkan proses pembelajaran dilaksanakan secara talian. Hal ini disokong oleh Mohammed Arshad Khan (2020) terdapat beberapa batasan semasa pelaksanaan proses pembelajaran dalam talian seperti pengasingan sosial dan pengurangan interaksi bersemuka antara pensyarah dan pelajar.

Akhir sekali, penglibatan pelajar juga merosot dalam proses pembelajaran secara talian disebabkan gaya pengajaran serta aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan oleh tenaga pengajar. Menurut Nabil Hasan Al-Kumaim et.al (2021) menyatakan bahawa pelajar mengalami masalah kefahaman kepada

penggunaan kaedah baharu yang menyebabkan pelajar tidak melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran secara talian.

Kesimpulannya, berdasarkan kajian-kajian lepas yang dilaksanakan mengenai tahap motivasi pelajar, penglibatan pelajar dalam pembelajaran online menunjukkan semua kajian ini telah dilaksanakan berfokus terhadap pelajar sekolah menengah dan universiti dari beberapa sudut di dunia ini. Masih tidak ada kajian yang dilaksanakan terhadap pelajar sekolah rendah mengenai tahap motivasi dan penglibatan mereka dalam proses pembelajaran secara talian terutamanya semasa Pandemik COVID 19 ini. Ini menunjukkan kewajaran kajian ini perlu dilaksanakan dalam kalangan murid sekolah rendah.

### 3. Metodologi

Reka bentuk kajian tinjauan digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan satu gambaran yang luas tentang tahap motivasi dan penglibatan murid sekolah rendah serta hubungan antara kedua-dua tahap yang dikaji. Dalam kajian ini data dikumpulkan menggunakan kaedah kuantitatif. kaedah tinjauan ini membantu untuk mendapatkan maklumat serta menganalisis data yang diperolehi dalam kajian ini secara terperinci tentang tahap motivasi dan penglibatan murid dalam proses pembelajaran atas talian semasa Pandemik COVID 19.

Kajian ini dijalankan di lima buah sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Seberang Perai Selatan adalah salah satu daerah di Seberang Perai yang terletak di Pulau Pinang. Sekolah-sekolah ini dipilih sebagai lokasi kajian kerana menggunakan proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian secara keseluruhan. Hal ini kerana, di Daerah Seberang Perai Selatan masih terdapat sekolah yang menggunakan proses pengajaran dan pembelajaran luar talian dan proses pengajaran dan pembelajaran OFF-SITE. Populasi kajian adalah murid-murid tahun enam yang belajar disekolah rendah harian biasa yang mempunyai satu sesi persekolahan di daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Sebanyak lima buah sekolah telah dipilih yang mempunyai jumlah populasi murid tahun 6 seramai 102 orang murid. Populasi murid ditentukan berdasarkan pengoperasian institusi pendidikan bahawa kementerian pendidikan Malaysia bagi sesi persekolahan penggal 2, 2021.

Teknik persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah teknik persampelan kebarangkalian dengan menggunakan jenis persampelan rawak mudah. Daripada jumlah populasi murid iaitu 102 orang seramai 80 orang murid telah dipilih untuk mengambil bahagian dalam kajian ini sebagai responden. Sampel kajian ini ditentukan menggunakan jadual penentuan saiz sampel Krejcie Dan Morgan (1970) berdasarkan populasi bagi mendapatkan kebolehdurusan dan ketepatan. murid Tahun 6 perlu dipilih sebagai responden kajian kerana mempunyai tahap penguasaan yang minimum dalam kemahiran membaca serta mempunyai pengetahuan tentang proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian apabila berbanding dengan murid tahap 1 dan murid tahun 4 dan 5.

Borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini merupakan adaptasi daripada kajian lepas yang tajuknya mempunyai persamaan dengan tajuk kajian Irma Mahad et.al (2021). Terdapat tiga bahagian dalam instrumen kajian ini iaitu bahagian A, bahagian B dan bahagian C. Bahagian A merupakan bahagian yang mengandungi item yang berkaitan dengan demografi responden. Bahagian B pula mengandungi item-item yang berkaitan dengan tahap motivasi murid manakala dalam Bahagian C terdapat item yang berkaitan dengan tahap penglibatan murid dalam proses pembelajaran secara talian semasa penularan wabak COVID 19. Instrumen soal selidik ini sangat bersesuaian dengan kajian ini kerana item-item yang dihasilkan dalam borang soal selidik ini

mempunyai kebolehpercayaan dengan nilai Cronbach Alpha adalah 0.962 serta berkaitan dengan pemboleh ubah yang ingin diukur dalam kajian ini iaitu penglibatan dan motivasi.

#### 4. Dapatan Kajian

##### Latar Belakang Responden

Jadual 4.1 Taburan Demografi Responden

	BILANGAN	PERATUS %
<b>JANTINA</b>		
<b>PEREMPUAN</b>	46	57.5
<b>LELAKI</b>	34	42.5
<b>PENDAPATAN</b>		
<b>B40</b>	52	65.0
<b>M40</b>	17	21.3
<b>T20</b>	11	13.8

Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah murid-murid tahun enam seramai 80 orang daripada 102 orang murid bagi sesi persekolahan 2021 di daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Berdasarkan jadual 4.1 seramai 34 orang murid atau 42.5% daripada jumlah responden adalah lelaki. Manakala 46 orang murid sama dengan 57.5% adalah murid perempuan yang terlibat dalam kajian ini. Berdasarkan taburan data demografi, didapati sebahagian besar murid daripada golongan B40 yang bermaksud golongan yang mempunyai isi rumah berpendapatan di bawah RM4849 iaitu seramai 52 orang murid atau 65% daripada keseluruhan jumlah responden. Seramai 17 orang atau 21.3% murid terdiri dalam golongan M40 iaitu isi rumah yang berpendapatan di antara RM4850 sehingga RM10 959 sebulan. Bagi golongan T20 iaitu isi rumah yang berpendapatan bulanan sebanyak RM10 959 ke atas terdapat seramai 11 orang murid sama dengan 13.8% daripada jumlah responden. Min bagi demografi jantina adalah 1.5750 manakala min bagi pendapatan keluarga responden adalah 1.4875.

**PERSOALAN KAJIAN PERTAMA:** Apakah tahap motivasi murid sekolah rendah dalam proses pembelajaran atas talian semasa Pandemik COVID 19?

Jadual 4.2 Taburan nilai min, sisihan piawai dan tahap motivasi

BIL	ITEM	MIN	SISIHAN PIAWAI	TAHAP
B1	Saya seronok belajar secara dalam talian.	3.18	1.10	Sederhana
B2	Saya menerima dorongan positif untuk belajar secara dalam talian.	3.33	1.27	Sederhana
B3	Saya bersemangat apabila kelas dimulakan dalam talian.	3.00	1.35	Sederhana
B4	Saya segera membuat latihan yang diberikan oleh guru dalam talian.	2.61	0.98	Sederhana
B5	Saya lebih memahami pengajaran apabila diajar secara dalam talian.	2.85	1.32	Sederhana
B6	Saya belajar lebih lama dalam talian berbanding kaedah bersemuka.	2.83	1.34	Sederhana
<b>B7</b>	<b>Saya lebih fokus belajar atas talian.</b>	<b>2.20</b>	<b>1.02</b>	<b>Rendah</b>



B8	<b>Saya tidak bermotivasi untuk belajar atas talian apabila tiada alat peranti yang sesuai.</b>	<b>3.63</b>	<b>1.53</b>	<b>Tinggi</b>
B9	Saya dapati elemen-elemen yang terdapat dalam pembelajaran atas talian sangat menyeronokkan	3.50	1.27	Sederhana
B10	Minat saya terhadap subjek telah meningkat apabila belajar secara talian.	3.06	1.39	Sederhana
<b>JUMLAH</b>		<b>3.02</b>	<b>0.86</b>	<b>Sederhana</b>

(TAHAP: Rendah = 1.00 – 2.49, Sederhana = 2.50 – 3.59, Tinggi = 3.60 – 5.00)

Jadual 4.2 memaparkan analisis data min dan sisihan piawai terhadap tahap motivasi murid sekolah rendah dalam proses pembelajaran secara talian semasa Pandemik COVID 19. Secara keseluruhannya, didapati tahap persetujuan responden kajian terhadap kebanyakan item dalam bahagian ini berada dalam tahap sederhana. Sebanyak lapan item dalam bahagian ini mendapat skor min dari 2.61 hingga 3.50. Bagi item yang ketujuh iaitu “Saya lebih fokus belajar atas talian” mendapat tahap persetujuan yang rendah dengan skor min 2.20 dan sisihan piawai 1.02. Manakala bagi item kelapan iaitu “Saya tidak bermotivasi untuk belajar atas talian apabila tiada alat peranti yang sesuai” mendapat tahap persetujuan yang tinggi dengan skor min 3.63 dan sisihan piawai 1.53. Ini menunjukkan keperluan peranti yang sesuai bagi pembelajaran atas talian sangat penting bagi meningkatkan motivasi murid. Dengan ini dapat merumuskan tahap motivasi murid semasa mengikuti proses pembelajaran atas talian semasa Pandemik COVID 19 berada pada tahap yang sederhana dengan jumlah nilai min 3.01 dan sisihan piawai 0.86.

**PERSOALAN KAJIAN KEDUA:** Apakah tahap penglibatan murid sekolah rendah dalam proses pembelajaran atas talian semasa Pandemik COVID 19?

**Jadual 4.3 Taburan nilai min, sisihan piawai dan tahap penglibatan**

BIL	ITEM	MIN	SISIHAN PIAWAI	TAHAP PERSETUJUAN
1	Saya bersedia untuk pembelajaran secara dalam talian.	3.16	1.32	Sederhana
2	<b>Saya rajin menghadiri kelas secara dalam talian yang dijalankan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.</b>	<b>3.72</b>	<b>1.03</b>	<b>Tinggi</b>
3	Saya lebih aktif semasa pembelajaran dalam talian	2.66	1.09	Sederhana
4	Saya mengambil masa membuat latihan yang diberikan oleh guru dalam talian.	3.35	1.22	Sederhana
5	Saya tidak merasa bosan dengan pelaksanaan PdPr berbantuan komputer sepanjang Pandemik COVID 19.	2.77	1.26	Sederhana
6	Saya berusaha menyiapkan semua latihan yang diberi oleh guru secara talian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.	3.27	0.89	Sederhana

7	<b>Saya melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran atas talian walaupun tiada</b> alat peranti yang sesuai.	<b>2.30</b>	<b>1.37</b>	<b>Rendah</b>
8	Saya mudah memahami isi pelajaran semasa pembelajaran secara dalam talian	2.75	1.42	Sederhana
9	<b>Saya suka mencari maklumat mengenai mata pelajaran secara dalam talian.</b>	<b>3.63</b>	<b>0.97</b>	<b>Tinggi</b>
10	Saya berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam melakukan aktiviti pembelajaran dalam talian walaupun menghadapi masalah peranti dan capaian internet.	2.51	1.22	Sederhana
<b>JUMLAH</b>		<b>3.01</b>	<b>1.07</b>	<b>Sederhana</b>

(TAHAP: Rendah = 1.00 – 2.49, Sederhana = 2.50 – 3.59, Tinggi = 3.60 – 5.00)

Jadual 4.3, memaparkan analisis data min dan sisihan piawai terhadap tahap penglibatan murid sekolah rendah dalam proses pembelajaran secara talian semasa Pandemik COVID 19. Secara keseluruhannya, didapati tahap persetujuan responden kajian terhadap kebanyakan item dalam bahagian ini berada dalam tahap sederhana. Sebanyak tujuh item dalam bahagian ini mendapat skor min dari 2.51 hingga 3.35. Bagi item yang ketujuh iaitu “Saya melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran atas talian walaupun tiada alat peranti yang sesuai.” mendapat tahap persetujuan yang rendah dengan skor min 2.30 dan sisihan piawai 1.37. Manakala bagi item kedua iaitu “Saya rajin menghadiri kelas secara dalam talian yang dijalankan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.” mendapat tahap persetujuan yang tinggi dengan skor min 3.72 dan sisihan piawai 1.03. Selain itu, item yang kesembilan iaitu “Saya suka mencari maklumat mengenai mata pelajaran secara dalam talian” mendapat tahap persetujuan yang tinggi dengan skor min 3.63 dan sisihan piawai 0.97. Dengan ini dapat merumuskan tahap penglibatan murid semasa mengikuti proses pembelajaran atas talian semasa Pandemik COVID 19 berada pada tahap yang sederhana dengan jumlah nilai min 3.01 dan sisihan piawai 1.07.

**PERSOALAN KAJIAN KETIGA:** Adakah terdapat perbezaan motivasi dan penglibatan murid sekolah rendah dalam proses pembelajaran atas talian semasa pandemik COVID 19 berdasarkan status sosial ekonomi?

**Jadual 4.4 ANOVA sehalu perbezaan Antara motivasi dan penglibatan berdasarkan sosioekonomi responden**

		<b>JKD</b>	<b>DK</b>	<b>MKD</b>	<b>F</b>	<b>Sig.P</b>
<b>Tahap Motivasi</b>	Antara kumpulan	38.545	2	12.272	74.441	0.000
	Dalam kumpulan	19.935	77	0.259		
<b>Tahap Penglibatan</b>	Antara kumpulan	58.388	2	29.194	66.795	0.000
	Dalam kumpulan	36.654	77	0.437		

Ujian ANOVA telah dijalankan didapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara motivasi terhadap status sosio ekonomi pada aras 95%,  $F(2, 77) = 74.441$ ,  $p=0.000$ ,  $n_2=0.05$ . Manakala bagi penglibatan ujian ANOVA menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap motivasi terhadap status sosio ekonomi pada aras 95%,  $F(2, 77) = 66.795$ ,  $p=0.000$ ,  $n_2=0.05$ . Merujuk Jadual 4.4, keputusan ujian didapati nilai signifikan lebih kecil daripada aras signifikan yang telah ditetapkan iaitu ( $p<0.05$ ). Maka, keputusan adalah berjaya menolak Hipotesis nol. Oleh itu, terdapat perbezaan signifikan motivasi dan penglibatan murid sekolah rendah dalam proses pembelajaran secara dalam talian semasa pandemik COVID 19 berdasarkan status sosio-ekonomi. **PERSOALAN KAJIAN KEEMPAT:** Adakah terdapat hubungan antara motivasi dan penglibatan murid sekolah rendah dalam proses pembelajaran atas talian semasa Pandemik COVID 19?

**Jadual 4.5 Korelasi hubungan antara motivasi dan penglibatan murid dalam proses pembelajaran atas talian semasa Pandemik COVID 19**

			TAHAP_MOTIVASI	TAHAP_PENGLIBATAN
Spearman's rho	TAHAP_MOTIVASI	Pekali Korelasi	<b>1.000</b>	<b>.876**</b>
		Sig. (1-tailed)	.	<b>.000</b>
		N	<b>80</b>	<b>80</b>
	TAHAP_PENGLIBATAN	Pekali Korelasi	<b>.876**</b>	<b>1.000</b>
		Sig. (1-tailed)	<b>.000</b>	.
		N	<b>80</b>	<b>80</b>

(NILAI KORELASI: Sangat Kuat = 0.70 – 1.00, Kuat = 0.50 – 0.69, Sederhana Kuat= 0.30 – 0.49, Lemah= 0.10 – 0.29, Sangat Lemah 0.01 – 0.009)

Dalam kajian ini, dapat dijelaskan bahawa terdapat hubungan signifikan positif di antara tahap motivasi murid dan tahap penglibatan murid dalam proses pembelajaran atas talian semasa Pandemik COVID 19. Hal ini ditunjukkan dalam jadual 4.5 yang menyatakan nilai korelasi Spearman yang tinggi iaitu 0.876 yang hampir kepada +1, manakala nilai signifikan,  $p$  adalah lebih kecil dari 0.01, iaitu 0.000. Maka, terdapat hubungan signifikan antara motivasi dan penglibatan murid sekolah rendah dalam proses pembelajaran secara talian semasa Pandemik COVID 19. Secara kesimpulannya, kita dapat menyifatkan bahawa tahap penglibatan murid semasa mengikuti proses pembelajaran atas talian bergantung kepada tahap motivasi mereka. Oleh itu, hipotesis nol keempat telah diterima.

## 5. Perbincangan Kajian

### Tahap Motivasi

Analisis menunjukkan bahawa responden kajian mempunyai tahap persetujuan yang sederhana. Ini dapat jelas dilihat melalui interpretasi skor min yang menunjukkan tahap persetujuan yang sederhana terhadap lapan item daripada sepuluh item yang dikemukakan. Item keempat iaitu “Saya segera membuat latihan yang diberikan oleh guru dalam talian” mendapat skor min 2.61 manakala item kelima iaitu “saya lebih memahami pengajaran apabila diajar secara dalam talian” mendapat skor min 2.85. Ini menunjukkan murid menghadapi masalah untuk memahami isi pembelajaran yang disampaikan oleh guru secara talian yang menyebabkan kesukaran untuk mereka membuat latihan yang diberikan oleh guru dengan kadar segera. Dapatan ini menyokong pendapat Claudiu

Coman et.al (2020) menyatakan bahawa masalah teknikal yang diikuti oleh kekurangan kemahiran teknikal dalam kalangan guru serta gaya pengajaran mereka yang tidak sesuai dengan persekitaran dalam talian menyebabkan murid tidak berminat dan kurang motivasi untuk mengikuti pembelajaran secara talian. Bagi item yang ketujuh iaitu “Saya lebih fokus belajar atas talian” mendapat tahap persetujuan yang rendah dengan skor min 2.20. Ini menunjukkan setiap murid mempunyai kecerdasan pelbagai yang berbeza antara satu sama lain. Dapatan ini telah disokong oleh, Fazley bin Fadzil et.al (2020) menyatakan bahawa proses pembelajaran dalam pelajar-pelajar dari bidang kejuruteraan tidak dapat dilaksanakan secara berkesan apabila kuliah dilaksanakan secara talian kerana bidang kejuruteraan ini memerlukan beberapa keperluan khas bagi tujuan pembelajaran seperti di studio, alat kejuruteraan dan memerlukan lawatan ke kawasan kajian di luar. Akhir sekali, item yang kelapan iaitu “Saya tidak bermotivasi untuk belajar atas talian apabila tiada alat peranti yang sesuai” mendapat persetujuan yang tinggi dengan skor min 3.63. Dengan ini dapat merumuskan bahawa, kemudahan infrastruktur bagi proses pembelajaran secara talian memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan tahap motivasi murid. Dapatan ini menyokong dan memperkukuhkan dapatan kajian Mohd Fairuz Jafar et.al (2020) menyatakan bahawa walaupun pelajar mempunyai keinginan yang tinggi untuk mengikuti pembelajaran dalam talian beberapa halangan seperti talian internet yang lemah, kekurangan kemudahan infrastruktur, masalah peranti yang menyebabkan proses pembelajaran terbantut serta memberi tekanan kepada murid yang menyebabkan kurangnya motivasi.

### **Tahap Penglibatan**

Analisis menunjukkan bahawa responden kajian mempunyai tahap persetujuan yang sederhana yang dapat jelas dilihat melalui interpretasi skor min yang menunjukkan tahap persetujuan yang sederhana terhadap tujuh item daripada sepuluh item yang dikemukakan. Item yang ketiga iaitu “saya lebih aktif semasa pembelajaran dalam talian” dan item kelapan iaitu “Saya mudah memahami isi pelajaran semasa pembelajaran secara dalam talian” mendapat tahap persetujuan yang sederhana dengan masing-masing mendapat skor min 2.66 dan 2.75. Dengan ini dapat menyimpulkan bahawa murid-murid mengalami kesukaran untuk memahami proses pembelajaran yang dilaksanakan secara talian yang menyebabkan penglibatan mereka semakin meruntun dalam aktiviti pembelajaran secara talian. Dapatan ini memperkukuhkan dapatan kajian Menurut Nabil Hasan Al-Kumaim et.al (2021) menyatakan bahawa pelajar mengalami masalah kefahaman kepada penggunaan kaedah baharu yang menyebabkan pelajar tidak melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran secara talian. Bagi item kesembilan iaitu “saya suka mencari maklumat mengenai mata pelajaran secara dalam talian.” mendapat tahap persetujuan yang tinggi dengan skor min 3.63. Dapatan ini dapat disokong dengan pendapat Hasnan Barber (2020) menyatakan bahawa dengan pertumbuhan teknologi dan Internet yang maju, e-pembelajaran telah dapat dilaksanakan dengan lancar dalam dunia akademik. Dengan pertumbuhan teknologi dan internet yang pesat, murid-murid dapat mencari maklumat yang diperlukan bagi proses pembelajaran dalam mudah dan cepat berbanding dengan kaedah penggunaan manual seperti kamus dan buku rujukan. Akhir sekali, item yang kesepuluh iaitu “saya berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam melakukan aktiviti pembelajaran dalam talian walaupun menghadapi masalah peranti dan capaian internet” mendapat tahap persetujuan yang sederhana dengan skor min 2.51 manakala item ketujuh iaitu “saya melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran atas talian walaupun tiada alat peranti yang sesuai” mendapat tahap persetujuan yang rendah dengan skor min 2.30. Kedua-dua item ini membincangkan tentang tahap penglibatan murid berdasarkan kemudahan infrastruktur. Dapatan kajian dapat merumuskan bahawa tahap penglibatan murid berada pada tahap rendah apabila mereka tidak mempunyai kemudahan dan infrastruktur yang sesuai untuk mengikuti proses pembelajaran secara talian. Dapatan ini menyokong kajian Nabil Hasan Al-Kumaim et.al (2021) dengan menyatakan bahawa berdasarkan kajian yang dilaksanakan pelajar universiti berpersepsi bagi mengikuti proses pembelajaran dalam talian perlu menghadap beberapa halangan seperti

kelajuan internet, kekangan masa, masalah kemudahan infrastuktur serta pelajar perlu menyesuaikan diri dengan keadaan yang baharu dengan penularan wabak COVID-19 mempengaruhi penglibatan mereka dalam proses pembelajaran secara talian.

### **Perbezaan Motivasi Dan Penglibatan Berdasarkan Status Sosia-Ekonomi**

Dapatan kajian ujian ANOVA bagi perbezaan tahap motivasi berdasarkan sosio-ekonomi didapati nilai signifikan lebih kecil iaitu  $p=0.000$  daripada aras signifikan yang telah ditetapkan iaitu ( $p>0.05$ ). Maka, ini menunjukkan terdapat perbezaan signifikan motivasi dan penglibatan murid sekolah rendah dalam proses pembelajaran secara dalam talian semasa pandemik COVID 19 berdasarkan status sosio-ekonomi. Berdasarkan dapatan ini dapat merumuskan bahawa tahap motivasi dan tahap penglibatan murid dari golongan B40 berada pada tahap yang minimum apabila berbanding dengan murid dari golongan M40 dan T20. Dapatan ini menyokong dapatan kajian Hafida et.al (2020) menyatakan bahawa salah satu cabaran yang dihadapi oleh pelajar universiti di Indonesia adalah terpaksa menyediakan sumber kewangan antara Rp.80.000 hingga Rp.200.000 per minggu bagi mengikuti proses pembelajaran dan pengajaran. Selain itu, dapatan ini juga mengukuhkan sorotan kajian Manzoor (2020) menjelaskan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian tidak adil kepada beberapa golongan pelajar seperti pelajar yang mempunyai sosioekonomi yang rendah kerana mereka tidak melibatkan diri dalam proses pembelajaran secara talian dengan aktif serta dapatan kajian Coman et.al (2020) telah menjelaskan bahawa masih ada segelintir murid yang tidak berupaya untuk menguasai dan mengawal penggunaan telefon pintar atau komputer riba menyebabkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian merosot kerana masih tidak mempunyai kemudahan infrastruktur yang menyebabkan mereka kurang keyakinan dalam proses pembelajaran secara talian.

### **Hubungan Antara Motivasi Dan Penglibatan Murid**

Analisis dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara motivasi dan penglibatan murid sekolah rendah dalam proses pembelajaran secara talian semasa Pandemik COVID 19. Hal ini jelas dilihat pada nilai kolerasi Spearman yang tinggi iaitu 0.876 yang hampir kepada +1, manakala nilai signifikan,  $p$  adalah lebih kecil dari 0.01, iaitu 0.000. Dengan ini dapat merumuskan bahawa tahap penglibatan murid dalam proses pembelajaran atas talian bergantung kepada tahap motivasi mereka. Dapatan ini menyokong dan mengukuhkan sorotan kajian Agus Rahardjo dan Supratni Pertiwi (2020) yang menyatakan bahawa apabila seseorang pelajar mempunyai motivasi untuk belajar malah dia dia akan merasa berminat untuk belajar dan ia akan meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran serta penglibatan dan pencapaian murid. Manakala pelajar yang tidak mempunyai motivasi yang tinggi dalam mengikuti proses pembelajaran akan menjadi malas dan mendapat kesukaran untuk mendapat pencapaian yang minimum serta akan mempertimbangkan bahawa belajar merupakan satu aktiviti yang membosankan.

### **Implikasi Kajian**

#### **Peranan Guru**

Guru memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan tahap motivasi dan tahap penglibatan murid dalam proses pembelajaran atas talian semasa Pandemik COVID 19. Menurut Norehan Binti Mohd Nasir (2021), menyatakan bahawa seorang guru perlu mempunyai kemahiran dalam melaksanakan pembelajaran atas talian secara berkesan bagi memastikan pembangunan murid secara holistik dapat dicapai. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa setiap orang guru menghadapi pelbagai cabaran dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran atas talian ini. Oleh itu, guru perlu berfikiran terbuka, fleksibel dan berminat untuk memajukan diri serta meningkatkan kemahiran mengajar mereka dalam platform e-pembelajaran. Menurut Mohd Fairuz Jafar (2020) menyatakan bahawa keadaan Pandemik COVID 19 mendesak tenaga pengajar untuk



meningkatkan pengetahuan mereka dari segi aspek penggunaan teknikal dan digital serta pelbagai aplikasi pembelajaran dalam talian bagi meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Namun begitu, hanya kemahiran teknikal tidak mencukupi untuk menjayakan sesuatu proses pembelajaran atas talian malah guru juga perlu menyesuaikan keadah pengajaran mereka dengan persekitaran dalam talian. Dengan ini, guru dapat melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang boleh meningkatkan tahap motivasi dan tahap penglibatan murid serta dapat mengelakkan murid daripada menghabiskan terlalu banyak jam di hadapan komputer.

### **Peranan Ibu Bapa**

Pada masa kini, kebanyakan Negara telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan disebabkan penularan wabak COVID 19. Perintah kawalan pergerakan ini dilaksanakan sebagai langkah pencegahan penularan wabak COVID 19 serta untuk memastikan masyarakat negara berada di tempat tinggal masing-masing. Dalam situasi seperti ini, murid-murid meluangkan seluruh masa mereka dalam pengawasan ibu bapa. Oleh itu, ibu bapa memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran anak-anak mereka kerana ibu bapa mempunyai kelebihan dalam mengawal persekitaran kerana anak-anak meluangkan lebih masa di rumah. Menurut Sean J. Smith (2016) menjelaskan bahawa ibu bapa dan guru mempunyai peranan yang berbeza. Walaupun seorang guru bertindak sebagai tenaga pembimbing dalam proses pembelajaran, ibu bapa perlu memberi sokongan kepada struktur pembelajaran, dan mengukuhkan matlamat yang boleh dicapai di dalam dan di luar sekolah dengan pendidikan. Ibu bapa boleh memberi sokongan dengan menyediakan ruang fizikal yang bertujuan untuk pembelajaran dalam talian serta alat peranti yang sesuai untuk mengikuti proses pembelajaran talian. Bagi golongan keluarga B40 ibu bapa perlu mengambil inisiatif untuk menstruktur semula pendapatan keluarga bagi mengagihkan simpanan bagi tujuan menyediakan kemudahan infrastruktur dan capaian internet.

### **Kementerian Pendidikan**

Selain daripada guru dan ibu bapa, Kementerian Pendidikan Malaysia juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran atas talian dalam kalangan murid sekolah rendah. Bagi merealisasikan perkara ini, kementerian pendidikan Malaysian perlu mengambil langkah dari segi ekuiti dan kualiti. Dari segi ekuiti, kementerian pendidikan Malaysia perlu memberi fokus kepada golongan yang terpinggir seperti orang asli dan golongan B40. Berdasarkan dapatan kajian, murid-murid dari golongan B40 mempunyai tahap motivasi dan tahap penglibatan yang rendah dalam proses pembelajaran atas talian berbanding dengan murid dari golongan M40 dan T20. Ini disebabkan atas beberapa aspek seperti kemudahan infrastruktur, tahap penguasaan dalam TMK, kemahiran pengendalian peranti yang canggih dan sebagainya. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia harus menitikberatkan tentang latar belakang sosio-ekonomi murid-murid sebelum menghasilkan sesuatu kurikulum pendidikan. Menurut Mei Lick Cheok et.al (2017) berpendapat bahawa pendidikan yang bersamarata merupakan kejayaan sesebuah negara dalam mewujudkan persekitaran pendidikan yang membantu pelajar untuk mencapai proses pembelajaran yang berkesan. Seterusnya kerajaan juga harus memberi tumpuan kepada kualiti pendidikan dengan menambahkan kandungan kurikulum yang bersesuaian dan berkaitan dengan kesihatan dan kesejahteraan murid dan guru.

### **Cadangan Kajian**

Walaupun dapatan kajian ini membuktikan tentang tahap motivasi dan tahap penglibatan murid sekolah rendah dalam proses pembelajaran atas talian masih berada pada tahap sederhana serta hubungan antara tahap motivasi dan tahap penglibatan murid dalam proses pembelajaran atas talian sangat kuat. Namun keputusan ini mungkin tidak boleh digeneralisasikan kepada persekitaran pembelajaran dalam talian yang lain. Maka kajian lanjutan perlu dilaksanakan untuk mengetahui

persepsi guru terhadap tahap motivasi dan penglibatan murid dalam proses pembelajaran atas talian menggunakan reka bentuk tinjauan dengan keadah kualitatif. Kajian seterusnya perlu dilaksanakan berdasarkan murid dari sekolah luar bandar bagi mengetahui tahap motivasi dan penglibatan mereka dalam proses pembelajaran atas talian. Selain itu, penting juga untuk mempertimbangkan penambahan konstruk tentang kesan COVID-19 atas pembelajaran atas talian dalam kajian lanjutan. Kesimpulannya semoga, kajian ini akan menjadi satu rujukan untuk kajian lanjutan serta membantu dalam pembangunan model yang boleh membantu institusi pendidikan untuk meningkatkan tahap motivasi dan penglibatan murid dalam proses pembelajaran atas talian.

## Penutup

Berdasarkan kajian ini dapat merumuskan bahawa tahap motivasi dan penglibatan murid dalam proses pembelajaran atas talian bergantung kepada beberapa faktor seperti kemudahan infrastruktur, keadah pengajaran, sosioekonomi keluarga, penggunaan bahan pengajaran yang pelbagai, faktor sosial dan persekitaran murid-murid. Kajian ini menunjukkan tahap motivasi dan penglibatan murid dalam proses pembelajaran atas talian masih berada pada tahap sederhana serta motivasi dan penglibatan murid mempunyai hubungan yang kuat dalam pelaksanaan proses pembelajaran atas talian.

## Rujukan

- Ari Riswanto & Sri Aryani. (2017): Learning motivation and student achievement: description analysis and relationships both: *The International Journal of Counseling and Education Vol.2, No.1, March 2017*.
- Agus Rahardjo & Supratmi Pertiwi. (2020): Learning Motivation and Students' Achievement in Learning English: A Case Study at Secondary School Students in the COVID-19 Pandemic Situation. *JELITA: Journal of English Language Teaching and Literature Volume 1, Number 2, August 2020*.
- Anggara Yugo Patma. (2020): Penerapan Model Pembelajaran Project Based Learning (PjBL) Menggunakan Kaedah Gamifikasi Untuk Meningkatkan Kemampuan Pemahaman Konsep Matematis Peserta Didik: *Kementerian Agama Universitas Islam Negeri Raden Intan Lempung Fakultas Tarbiyah Dan Keguruan*.
- Claudiu Coman, Maria Cristina Bularca, Laurent, Iu Gabriel Tîrnu, Luiza Meses, an-Schmitz & Carmen Stanciu. (2020): Online Teaching And Learning In Higher Education During The Coronavirus Pandemic: *Students' Perspective: Sustainability 2020, 12, 10367*.
- Consilz Tan. (2020): The Impact Of COVID-19 On Student Motivation, Community Of Inquiry And Learning Performance: *Asian Education and Development Studies Vol.10 No. 2, 2021*
- Fazley bin Fadzil, Nur Najwa Ariena binti Mohd Nazeli & Siti Sarah. (2020) :Kesan-Kesan Wabak COVID-19 Terhadap Kehidupan Sehari-hari Pelajar-Pelajar Universiti.
- Hafida, Lilih, Wilanika, Ludi & Saptia. (2020) Penurunan Motivasi Dan Keaktifan Belajar Siswa Selama Pembelajaran Daring Di Tengah Pandemi COVID-19: *Indonesian Journal of Education Science (IJES), Vol 2 No 2, Maret 2020, Hlm 82*.
- Hasnan Baber (2020): Determinants of Students' Perceived Learning Outcome and Satisfaction in Online Learning during the Pandemic of COVID19: *Journal of Education and e-Learning Research, Vol. 7, No. 3, 285-292, 2020*
- Irma Mahad, Ugartini Magesvaran & Intan Nur Syuhada Hamzah. (2021): Sikap Dan Motivasi Murid Sekolah Rendah Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Talian Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan: *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ) ISSN: 2180-4842. Vol. 11, Bil. 1 (Mei 2021): 16-28*

- Jonathan Smith, Julie Bergeron, Caroline Fitzpatrick, Jérôme St-Amand, Mathieu Gagnon & Fanny-Alexandra Guimond. (2021) : Changes In Students' Achievement Motivation In The Context Of The COVID-19 Pandemic: A Function Of Extraversion/Introversion?: *Education. Science. 2021, 11, 30*
- Mohd Fairuz Jafar, Ph.D, Zetty Akmar Amran, Mohd Faiz Mohd Yaakob, Ph.D, Mat Rahimi Yusof, Ph.D, Hapini Awang, Ph.D. (2020): Kesediaan Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik COVID 19: *Seminar Darulaman 2020 Peringkat Kebangsaan 20 OKTOBER 2020.*
- Manzoor, A. (2020): "Online Teaching and Challenges of COVID-19 for Inclusion of Persons with Disabilities in Higher Education."
- Mei Lick Cheok, Su Luan Wong, Ahmad Fauzi Ayub, Rosnaini Mahmud (2017) : Teachers' Perceptions of E-Learning in Malaysian Secondary Schools : *Malaysian Online Journal of Educational Technology 2017 (Volume 5 - Issue 2 )*
- Mohammed Arshad Khan, Vivek, Maysoon Khojah, Mohammed Kamalun Nabi & Muhammad Tahir (2020): Students' Perception Towards E-learning During COVID-19 Pandemic In India: An Empirical Study: *Sustainability 2021, 13, 57.*
- Nabil Hasan Al-Kumaim, Abdulsalam K. Alhazmi, Fathey Mohammed, Nadhmi A. Gazem, Muhammad Salman Shabbir & Yousef Fazea (2021): Exploring the Impact of the COVID-19 Pandemic on University Students' Learning Life: An Integrated Conceptual Motivational Model for Sustainable and Healthy Online Learning: *Sustainability 2021, 13, 2546.*
- Nik Hanis Zuraihan Rahimi, Abdullah Mat Rashid, Ramlah Hamzah. (2015): Hubungan Antara Penglibatan Dalam Pembelajaran Dengan Tahap Pemikiran Reflektif Dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Teknikal Dan Vokasional: *Journal of Human Capital Development. ISSN: 1985-7012 Vol. 8 No. 1. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia.*
- Norehan Binti Mohd Nasir, Mahaliza Binti Mansor (2021) : Cabaran Guru dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR): Suatu Pemerhatian Awal : *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 7, (page 416 - 421), 2021/ DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.854>*
- Norazura Tukiran, Juliza Adira Mohd @ Ariffin & Siti Hazwani Mohamed Rozi. (2015): Teori Kecerdasan Pelbagai Untuk Meningkatkan penglibatan Aktif Pelajar Di Dalam Kelas
- Prof Madya Dr Mahizer Hamzah. (2020): Sedia Hadapi Kelas Maya Sesuai Normal Baharu: *Berita Harian. April 19, 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/679003/sedia-hadapi-kelas-maya-sesuai-normal-baharu>*
- Sean J. Smith, Paula J. Burdette, Gregory A. Cheatham, Susan P. Harvey (2016) : Parental Role and Support for Online Learning of Students With Disabilities: A Paradigm Shift : *Journal of Special Education Leadership 29(2) N September 2016*
- Sri Gustiani (2020) : Students' Motivation In Online Learning During Covid-19 Pandemic Era: A Case Study: *HOLISTICS JOURNAL, Volume 12, Number 2, December 2020, p-ISSN 2085-4021 | e-ISSN 2657-1897*
- Undang-Undang Republic Indonesia, Nombor 20 Tahun (2003) Tentang Sistem Pendidikan Nasional.